



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PROGRAM PTPTN PRIHATIN: KAMI KONGSI KAMI BANTU

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa menyantuni masyarakat yang memerlukan bantuan terutamanya golongan asnaf melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dianjurkan. Dalam konteks ini, PTPTN sebagai tabung pendidikan utama negara juga sentiasa prihatin dalam membantu masyarakat.
2. Ekoran pandemik COVID-19 yang masih belum reda, PTPTN turut merasai keluh resah dan kesusahan yang dialami masyarakat. Oleh itu, menerusi program CSR iaitu Program PTPTN Prihatin, PTPTN telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Dana Kita (DANA KITA) dalam mengurus dan menyelaras agihan sumbangan bantuan ini. Manakala untuk mengenalpasti penerima asnaf yang layak, PTPTN telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Untuk itu, pelepasan atau *flag off* ini diadakan sebagai simbolik kepada bermulanya pengagihan dan penyerahan bantuan Program PTPTN Prihatin kepada golongan asnaf di Kuala Lumpur.
3. Melalui program ini, PTPTN memperuntukkan RM1,000,000 melibatkan penerima sumbangan seramai 5,000 keluarga asnaf di Kuala Lumpur. Daripada jumlah itu, RM500,000 telah disalurkan kepada DANA KITA bagi pemberian barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, tepung dan sebagainya. Manakala RM500,000 lagi akan diberikan dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bagi menggalakkan budaya penabungan.

4. Secara keseluruhannya, setiap keluarga asnaf akan menerima sumbangan RM200.00, berupa barangan keperluan harian bernilai RM100.00 dan RM100.00 lagi diberikan dalam bentuk akaun SSPN-i bagi seorang anak yang berumur 18 tahun ke bawah dalam keluarga tersebut.

5. Bagi memastikan pemberian sumbangan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, PTPTN telah menubuhkan pasukan sukarelawan iaitu Skuad PTPTN Prihatin di bawah CSR PTPTN. Ia merupakan langkah yang baik untuk memberikan imej positif PTPTN di hati masyarakat di samping membina semangat sukarelawan di kalangan warga PTPTN. Skuad PTPTN Prihatin akan bersama-sama DANA KITA mengurus, menyelaras dan mengagihkan bantuan sumbangan ini.

6. Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, “Idea penubuhan Skuad PTPTN Prihatin bermula susulan daripada program CSR PTPTN dalam membantu masyarakat ekoran daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia. Objektif Skuad PTPTN Prihatin adalah untuk melaksanakan dan menggerakkan program kesukarelawan dan kemanusiaan yang diterajui oleh PTPTN. Ia bukan sahaja mencerminkan sikap cakna dan prihatin tetapi juga bagi membina imej positif PTPTN dalam kalangan masyarakat. Melalui Skuad PTPTN Prihatin ini kami kongsi dan kami bantu masyarakat yang memerlukan.”

7. “Oleh itu, saya amat berharap sumbangan daripada PTPTN ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban golongan asnaf di Kuala Lumpur. Dalam suasana yang mencabar ini, kami sentiasa optimis untuk memberikan sumbangan yang sewajarnya bagi menyantuni dan membantu golongan yang memerlukan,” tambah Ahmad Dasuki lagi.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

12 April 2021